KENYATAAN AKHBAR
OLEH KETUA AUDIT NEGARA

BERKENAAN:

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 SIRI 1 MENGENAI AKTIVITI JABATAN NEGERI PERLIS

1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2019 Siri 1 mengenai Aktiviti Jabatan Negeri Perlis telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 10 Disember 2020 (Selasa) setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perlis pada 25 Ogos 2021 (Rabu) setelah mendapat perkenan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis.

2. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

2.1. Pengauditan Prestasi Terhadap Program/Aktiviti/Projek Kerajaan di Peringkat Negeri

(a) Pengauditan prestasi telah dijalankan mengikut standard pengauditan antarabangsa, iaitu The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 3000, 3100 dan 3200. Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan menilai sama ada aktiviti/projek Kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.

(b) Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 1 ini, sebanyak satu pengauditan prestasi iaitu Pengurusan Pusat Pelancongan Negeri Perlis telah dilaksanakan. Pengauditan merangkumi

pencapaian prestasi dan pengurusan program yang telah diadakan di jabatan negeri.

(c) Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, dirumuskan bahawa pengurusan pusat pelancongan negeri Perlis tidak diuruskan dengan cekap. Sehingga bulan Disember 2019, objektif penubuhan yang ditetapkan bagi lima pusat pelancongan yang dibangunkan tidak dapat dicapai sepenuhnya. Hanya tiga daripada keseluruhan 12 objektif yang ditetapkan berjaya dicapai. Bagi tempoh yang sama juga, sejumlah RM89,180 telah dijana dan hanya menyumbangkan sebanyak 0.02% kepada hasil Kerajaan negeri. Setakat 31 Disember 2019, dianggarkan berlaku pembaziran berjumlah RM17.24 juta akibat projek pembangunan yang tidak beroperasi dan terbiar iaitu Pusat Ekuin Perlis, Chalet Ayer Fasa I hingga III serta Pusat Rawatan Alternatif dan Spa.

3. Ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan, Jabatan Audit Negara telah mengemukakan enam syor untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

4. LKAN Tahun 2019 Siri 1 akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangannya di Dewan Undangan Negeri. Orang awam boleh melayarinya di alamat http://www.audit.gov.my mulai 25 Ogos 2021 selepas jam 11 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara

25 Ogos 2021
16 Muharam 1443 H